



**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil AIA TRAVEL PA PLUS. Sila pastikan anda juga membaca semua terma dan syarat-syarat am.

AIA General Berhad

AIA TRAVEL PA PLUS (Annual Plan)

Tarikh: <mm/dd/yyyy>

**1. Apakah mengenai produk ini?**

AIA TRAVEL PA PLUS adalah polisi perlindungan yang menyediakan pampasan untuk anda sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan, perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kemalangan atau penyakit, dan kesulitan perjalanan semasa perjalanan anda ke luar negara. Anda mempunyai pilihan untuk melampirkan perlindungan Domestik sebagai rider pada pelan Antarabangsa anda.

**2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?**

Polisi ini menyediakan manfaat-manfaat berikut untuk insured Standard.

Seksyen	Manfaat & Had (dalam RM)	Had setahun/ perjalanan	Antarabangsa		Domestik	
			Umur Kemasukan 14 hari hingga 75	Umur Pembaharuan 76 hingga 85	Umur Kemasukan 14 hari hingga 75	Umur Pembaharuan 76 hingga 85
<b>Berkaitan Kemalangan Diri</b>						
1	Manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan	Setiap tahun	Sehingga 300,000	Sehingga 150,000	Sehingga 200,000	Sehingga 100,000
2	Elaun Belas Ihsan	Setiap perjalanan	5,000		5,000	
3	Tindakan Keganasan	Setiap perjalanan	Dilindungi		T/B	
<b>Berkaitan Perubatan</b>						
4	Manfaat Perbelanjaan Perubatan	Setiap tahun	Sehingga 500,000	Sehingga 250,000	Sehingga 20,000	Sehingga 10,000
5	Rawatan Susulan di Malaysia		Sehingga 15,000	Sehingga 7,500	T/B	T/B
6	Manfaat Pendapatan Hospital ( <i>tertakluk kepada maksimum 20 hari</i> )	Setiap perjalanan	350/hari Sehingga 7,000		350/hari Sehingga 7,000	
7	Pemindahan Perubatan Kecemasan		Tiada Had		Tiada Had	
8	Penghantaran Pulang Mayat		Tiada Had		Tiada Had	
9	Perbelanjaan Penggantian Kakitangan ( <i>Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja</i> )		Sehingga 5,000	T/B	T/B	
10	Lawatan Ihsan (disebabkan Insured dimasukkan ke hospital)		Sehingga 5,000		T/B	
11	Penjagaan Anak ( <i>Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja</i> )		Sehingga 5,000	T/B	T/B	
<b>Berkaitan Kesulitan Perjalanan</b>						
12	Kehilangan Deposit/ Pembatalan Perjalanan	Setiap perjalanan	Sehingga 25,000		Sehingga 2,000	
13	Pemendekan Perjalanan		Sehingga 25,000		T/B	
14	Kehilangan Dokumen Perjalanan		Sehingga 5,000		T/B	
15	Kehilangan Wang		Sehingga 2,000		T/B	
16	Kehilangan Kad Kredit		Sehingga 5,000		T/B	
17	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi Peribadi /Barangan Peribadi/ Peralatan Golf		Sehingga 5,000 (had maksimum sehingga 500 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)		Sehingga 1,000 (had maksimum sehingga 200 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)	
18	Kelewatan Perjalanan /Kegagalan Menyambung Perjalanan/ Pengalihan Tujuan Perjalanan		200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000		200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 1,000	

	<i>(Kegagalan Menyambung Perjalanan/ Pengalihan Tujuan Perjalanan hanya terpakai untuk pelan Antarabangsa)</i>		
19	Kelewatan Bagasi	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 600
20	Penjagaan Rumah <i>(Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja)</i>	Sehingga 3,000	Sehingga 1,000

Polisi ini menyediakan manfaat-manfaat berikut untuk insured Warga Emas:

Seksyen	Manfaat & Had (dalam RM)	Had setahun/ perjalanan	Antarabangsa		Domestik	
			Umur Kemasukan 76 hingga 80	Umur Pembaharuan 81 hingga 85	Umur Kemasukan 76 hingga 80	Umur Pembaharuan 81 hingga 85
<b>Berkaitan Kemalangan Diri</b>						
1	Manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan	Setiap tahun	Sehingga 150,000		Sehingga 100,000	
2	Elaun Belas Ihsan	Setiap perjalanan	5,000		5,000	
3	Tindakan Keganasan	Setiap perjalanan	Dilindungi		T/B	
<b>Berkaitan Perubatan</b>						
4	Manfaat Perbelanjaan Perubatan	Setiap tahun	Sehingga 250,000		Sehingga 10,000	
5	Rawatan Susulan di Malaysia		Sehingga 7,500		T/B	
6	Manfaat Pendapatan Hospital <i>(tertakluk kepada maksimum 20 hari)</i>	Setiap perjalanan	350/hari Sehingga 7,000		350/hari Sehingga 7,000	
7	Pemindahan Perubatan Kecemasan		Tiada Had		Tiada Had	
8	Penghantaran Pulang Mayat		Tiada Had		Tiada Had	
9	Lawatan Ihsan <i>(disebabkan Insured dimasukkan ke hospital)</i>		Sehingga 5,000		T/B	
<b>Berkaitan Kesulitan Perjalanan</b>						
10	Kehilangan Deposit/ Pembatalan Perjalanan	Setiap perjalanan	Sehingga 25,000		Sehingga 2,000	
11	Pemendekan Perjalanan		Sehingga 25,000		T/B	
12	Kehilangan Dokumen Perjalanan		Sehingga 5,000		T/B	
13	Kehilangan Wang		Sehingga 2,000		T/B	
14	Kehilangan Kad Kredit		Sehingga 5,000		T/B	
15	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi Peribadi /Barangan Peribadi/ Peralatan Golf		Sehingga 5,000 (had maksimum sehingga 500 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)		Sehingga 1,000 (had maksimum sehingga 200 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)	
16	Kelewatan Perjalanan /Kegagalan Menyambung Perjalanan/ Pengalihan Tujuan Perjalanan <i>(Kegagalan Menyambung Perjalanan/ Pengalihan Tujuan Perjalanan hanya terpakai untuk pelan Antarabangsa)</i>		200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000		200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 1,000	
17	Kelewatan Bagasi		200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000		200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 600	
18	Penjagaan Rumah	Sehingga 3,000		Sehingga 1,000		

- Sila rujuk kepada Jadual Tanggung Rugi bagi manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan dalam kontrak polisi
- Tempoh perlindungan ialah untuk satu tahun dengan jumlah perjalanan antarabangsa dan domestik yang tidak terhad dibuat dalam tempoh polisi. Tempoh maksimum bagi setiap perjalanan antarabangsa atau domestik ialah 90 hari berturut-turut. Jika anda ingin meneruskan perlindungan anda untuk tahun-tahun berikutnya, anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berubah bergantung pada pelan pilihan anda, destinasi dan keperluan penajajaminan kami. Kami berhak mengubah premium pada masa pembaharuan.

Premium untuk AIA Travel PA Plus Annual Plan digambarkan di bawah:

Annual Plan	Premium (RM) (Antarabangsa)		Premium (RM) (Antarabangsa + Domestik)	
	Pelan Standard	Pelan Warga Emas	Pelan Standard	Pelan Warga Emas
Kawasan 1	429.00	816.00	560.74	1,065.30
Kawasan 2	558.00	1,062.00	697.48	1,326.06

Nota: Jumlah premium yang dinyatakan di atas adalah termasuk cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

#### 4. Apakah yuran-yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Kos Pengedaran Langsung yang dibayar kepada perancang hayat / pemimpin agensi/ perantara	24% daripada premium yang dibayar atau RM24 bagi setiap RM100 premium yang dibayar sebagai komisen dan komisen kelola.
Duti Setem*	RM 10.00
Cukai Kerajaan Yang Berkenaan	6% daripada premium atau RM6.00 bagi setiap RM100 premium yang dibayar

\* Berkuatkuasa 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025, duti setem bagi polisi yang dikeluarkan kepada Pemilik Individu dengan jumlah premium tahunan RM150 dan ke bawah dikecualikan mengikut PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 16) 2021; kepada Pemilik Korporat yang berkelayakan sebagai perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan jumlah premium tahunan RM250 dan ke bawah dikecualikan mengikut PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 15) 2021.

#### 5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu seperti kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko. Anda mesti memastikan bahawa borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ia menjadi asas kepada kontrak insurans.
- **Kelayakan** – Umur penyertaan bagi insured ialah dari umur 14 hari ke 75 tahun dan pembaharuan adalah sehingga umur 85 tahun. Rakyat Malaysia atau penduduk asing / warga asing dengan permit kerja yang sah layak memohon. Umur penyertaan bagi insured warga emas ialah dari umur 76 ke 80 tahun dan pembaharuan adalah sehingga umur 85 tahun.
- **Tempoh Ihsan** – Tempoh Ihsan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh genap tempoh akan dibenarkan bagi bayaran untuk setiap premium selepas premium pertama di mana dalam tempoh ini polisi ini akan terus berkuat kuasa. Dengan syarat, jika kerugian berlaku dalam Tempoh Ihsan, maka sebarang baki premium yang genap tempoh belum dibayar bagi tahun polisi penuh di mana kerugian itu berlaku akan ditolak daripada prosid insurans yang dibayar di bawah polisi ini.
- **Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?** – Anda perlu melengkapkan dokumen-dokumen tuntutan yang boleh didapati daripada perancang hayat anda/perantara atau, mana-mana cawangan AIA atau dengan menelefon AIA Care Line di 1 300 88 1899. Senarai cawangan AIA boleh didapati di [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my). Anda mesti memberikan kami notis tuntutan bertulis mengenai sebarang kecederaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan anda. Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, notis tuntutan mestilah diberikan kepada kami dengan serta-merta. Kami juga menghendaki bukti tuntutan tersebut dikemukakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan.

Bagi tuntutan berkaitan dengan kecederaan, bukti tuntutan termasuklah laporan perubatan, laporan polis dan bil perubatan / rawatan yang berkaitan dengan tuntutan itu. Bagi tuntutan kematian akibat kemalangan, bukti tuntutan termasuklah perakuan hospital, dokumen mengenai rawatan atau pemeriksaan perubatan, laporan polis, laporan bedah siasat dan sijil kematian atau keratan akhbar. Bukti identiti orang yang membuat tuntutan juga mesti dikemukakan.

Nota: Senarai ini adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

#### 6. Apakah pengecualian penting di dalam polisi ini?

- Keadaan sedia ada
- Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan
- Melahirkan anak, kehamilan atau keguguran
- Sukan professional
- Gangguan mental atau saraf
- Penggunaan sebarang jenis dadah/narkotik
- Kecacatan kongenital

- Sebarang jenis penyakit atau sakit atau Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS)
- Sebarang jenis perlumbaan
- Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang
- Insured berkhidmat dalam angkatan tentera
- Perang atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak)

Nota: Senarai ini adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

#### **7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Apabila polisi anda dibatalkan, anda layak menerima pembayaran balik premium berdasarkan Jadual Pembatalan Kadar Jangka Pendek. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi Jadual Pembatalan Kadar Jangka Pendek.

#### **8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan/peribadi saya bertukar?**

Adalah penting bagi anda memberitahu kami mengenai sebarang pertukaran kepada profil kehidupan anda dan kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko.

#### **9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila layari laman web kami di [AIA.COM.MY](http://AIA.COM.MY).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)

Menara AIA,

99 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 1899

E-mel: [MY.GI-Ops@aia.com](mailto:MY.GI-Ops@aia.com)

[AIA.COM.MY](http://AIA.COM.MY)

AIA General Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

#### **10. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada.**

Sila hubungi kami / perancang hayat anda / perantara untuk perlindungan jenis lain yang sama kami tawarkan.

##### **NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA JADUAL TANGGUNG RUGI BAGI MANFAAT KEMATIAN DAN KEHILANGAN ANGGOTA BADAN AKIBAT KEMALANGAN DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTILAH MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANCANG HAYAT/PERANTARA ATAU MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA DITERIMA PAKAI.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah setakat <mm/dd/yyyy>.



**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil AIA TRAVEL PA PLUS. Sila pastikan anda juga membaca semua terma dan syarat-syarat am.

AIA General Berhad

AIA TRAVEL PA PLUS (Single Trip)

Tarikh: <mm/dd/yyyy>

**1. Apakah mengenai produk ini?**

AIA TRAVEL PA PLUS adalah polisi perlindungan yang menyediakan pampasan untuk anda dan keluarga anda sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan, perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kemalangan atau penyakit, dan kesulitan perjalanan semasa perjalanan dalam atau luar negara anda. Anda boleh membeli pelan individu untuk melindungi diri anda sahaja, atau untuk memasukkan pasangan menemani anda dan anak-anak tanggungan dalam Pelan Keluarga. Anda mempunyai pilihan untuk perlindungan Domestik atau Antarabangsa bergantung pada jenis pelan yang dipilih.

**2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?**

Polisi ini menyediakan manfaat-manfaat berikut untuk insured Standard dan insured Warga Emas-

Seksyen	Manfaat & Had (dalam RM) setiap perjalanan	Antarabangsa	
		Umur Kemasukan 14 hari hingga 75	Umur Kemasukan 76 hingga 85
<b>Berkaitan Kemalangan Diri</b>			
1	Manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan	Sehingga 300,000	Sehingga 150,000
2	Elaun Belas Ihsan	5,000	5,000
3	Tindakan Keganasan	Dilindungi	Dilindungi
<b>Berkaitan Perubatan</b>			
4	Manfaat Perbelanjaan Perubatan	Sehingga 500,000	Sehingga 250,000
5	Rawatan Susulan di Malaysia	Sehingga 15,000	Sehingga 7,500
6	Manfaat Pendapatan Hospital ( <i>tertakluk kepada maksimum 20 hari</i> )	350/hari Sehingga 7,000	350/hari Sehingga 7,000
7	Pemindahan Perubatan Kecemasan	Tiada Had	Tiada Had
8	Penghantaran Pulang Mayat	Tiada Had	Tiada Had
9	Perbelanjaan Penggantian Kakitangan ( <i>Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja</i> )	Sehingga 5,000	T/B
10	Lawatan Ihsan (disebabkan Insured dimasukkan ke hospital)	Sehingga 5,000	Sehingga 5,000
11	Penjagaan Anak ( <i>Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja</i> )	Sehingga 5,000	T/B
<b>Berkaitan Kesulitan Perjalanan</b>			
12	Kehilangan Deposit/ Pembatalan Perjalanan	Sehingga 25,000	Sehingga 25,000
13	Pemendekan Perjalanan	Sehingga 25,000	Sehingga 25,000
14	Kehilangan Dokumen Perjalanan	Sehingga 5,000	Sehingga 5,000
15	Kehilangan Wang	Sehingga 2,000	Sehingga 2,000
16	Kehilangan Kad Kredit	Sehingga 5,000	Sehingga 5,000
17	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi Peribadi /Barangan Peribadi/ Peralatan Golf	Sehingga 5,000 (had maksimum sehingga 500 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)	Sehingga 5,000 (had maksimum sehingga 500 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)
18	Kelewatan Perjalanan /Kegagalan Menyambung Perjalanan/ Pengalihan Tujuan Perjalanan	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000

19	Kelewatan Bagasi	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000
20	Penjagaan Rumah <i>(Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja)</i>	Sehingga 3,000	Sehingga 3,000

Polisi ini menyediakan manfaat-manfaat berikut untuk Keluarga:

Seksyen	Manfaat & Had (dalam RM) setiap perjalanan	Antarabangsa	
		Umur Kemasukan 14 hari hingga 75 (sub-had)	Keluarga
<b>Berkaitan Kemalangan Diri</b>			
1	Manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan	Sehingga 300,000	Sehingga 900,000
2	Elaun Belas Ihsan	5,000	Sehingga 15,000
3	Tindakan Keganasan	Dilindungi	
<b>Berkaitan Perubatan</b>			
4	Manfaat Perbelanjaan Perubatan	Sehingga 500,000	Sehingga 1,500,000
5	Rawatan Susulan di Malaysia	Sehingga 15,000	Sehingga 45,000
6	Manfaat Pendapatan Hospital <i>(tertakluk kepada maksimum 20 hari)</i>	350/hari Sehingga 7,000	Sehingga 21,000
7	Pemindahan Perubatan Kecemasan	Tiada Had	
8	Penghantaran Pulang Mayat	Tiada Had	
9	Lawatan Ihsan <i>(disebabkan Insured dimasukkan ke hospital)</i>	Sehingga 5,000	Sehingga 15,000
10	Penjagaan Anak <i>(Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja)</i>	Sehingga 5,000	Sehingga 10,000
<b>Berkaitan Kesulitan Perjalanan</b>			
11	Kehilangan Deposit/ Pembatalan Perjalanan	Sehingga 25,000	Sehingga 75,000
12	Pemendekan Perjalanan	Sehingga 25,000	Sehingga 75,000
13	Kehilangan Dokumen Perjalanan	Sehingga 5,000	Sehingga 15,000
14	Kehilangan Wang	Sehingga 2,000	Sehingga 4,000
15	Kehilangan Kad Kredit	Sehingga 5,000	Sehingga 10,000
16	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi Peribadi /Barangan Peribadi/ Peralatan Golf	Sehingga 5,000 (had maksimum sehingga 500 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)	Sehingga 15,000
17	Kelewatan Perjalanan /Kegagalan Menyambung Perjalanan/ Pengalihan Tujuan Perjalanan	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000	Sehingga 6,000
18	Kelewatan Bagasi	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 2,000	Sehingga 6,000
19	Penjagaan Rumah <i>(Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja)</i>	Sehingga 3,000	Sehingga 3,000

Polisi ini menyediakan manfaat-manfaat berikut untuk insured Standard dan insured Warga Emas

Seksyen	Manfaat & Had (dalam RM) setiap perjalanan	Domestik	
		Umur Kemasukan 14 hari hingga 75	Umur Kemasukan 76 hingga 85
<b>Berkaitan Kemalangan Diri</b>			
1	Manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan	Sehingga 100,000	Sehingga 100,000
2	Elaun Belas Ihsan	5,000	5,000
<b>Berkaitan Perubatan</b>			
3	Manfaat Perbelanjaan Perubatan	Sehingga 20,000	Sehingga 10,000
4	Manfaat Pendapatan Hospital <i>(tertakluk kepada maksimum 20 hari)</i>	350/hari Sehingga 7,000	350/hari Sehingga 7,000
5	Pemindahan Perubatan Kecemasan	Tiada Had	Tiada Had

6	Penghantaran Pulang Mayat	Tiada Had	Tiada Had
<b>Travel Inconvenience Related</b>			
7	Kehilangan Deposit/ Pembatalan Perjalanan	Sehingga 2,000	Sehingga 2,000
8	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi Peribadi /Barangan Peribadi/ Peralatan Golf	Sehingga 1,000 (had maksimum sehingga 200 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)	Sehingga 1,000 (had maksimum sehingga 200 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)
9	Kelewatan Perjalanan	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 1,000	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 1,000
10	Kelewatan Bagasi	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 600	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 600
11	Penjagaan Rumah (Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja)	Sehingga 1,000	Sehingga 1,000

Polisi ini menyediakan manfaat-manfaat berikut untuk Keluarga:

Seksyen	Manfaat & Had (dalam RM) setiap perjalanan	Domestik	
		Umur Kemasukan 14 hari hingga 75 (sub-had)	Keluarga
<b>Berkaitan Kemalangan Diri</b>			
1	Manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan	Sehingga 100,000	Sehingga 300,000
2	Elaun Belas Ihsan	5,000	Sehingga 15,000
<b>Berkaitan Perubatan</b>			
3	Manfaat Perbelanjaan Perubatan	Sehingga 20,000	Sehingga 60,000
4	Manfaat Pendapatan Hospital (tertakluk kepada maksimum 20 hari)	350/hari Sehingga 7,000	Sehingga 21,000
5	Pemindahan Perubatan Kecemasan	Tiada Had	Tiada Had
6	Penghantaran Pulang Mayat	Tiada Had	Tiada Had
<b>Travel Inconvenience Related</b>			
7	Kehilangan Deposit / Pembatalan Perjalanan	Sehingga 2,000	Sehingga 6,000
8	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi Peribadi /Barangan Peribadi/ Peralatan Golf	Sehingga 1,000 (had maksimum sehingga 200 untuk mana-mana satu artikel atau pasangan atau set artikel)	Sehingga 3,000
9	Kelewatan Perjalanan	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 1,000	Sehingga 3,000
10	Kelewatan Bagasi	200 untuk setiap 6 jam berturut-turut, sehingga 600	Sehingga 1,800
11	Penjagaan Rumah (Diguna pakai untuk Insured umur 16 dan ke atas sahaja)	Sehingga 1,000	Sehingga 1,000

- Sila rujuk kepada Jadual Tanggung Rugi bagi manfaat Kematian dan Kehilangan Anggota Badan Akibat Kemalangan dalam kontrak polisi.
- Tempoh perlindungan adalah antara 1 hingga 5 hari hingga maksimum 200 hari berturut-turut untuk perjalanan antarabangsa dan maksimum 31 hari berturut-turut untuk perjalanan domestik.
- Jadual di atas menunjukkan sub-had maksimum masing-masing untuk orang dewasa yang diinsuranskan, tanggungan pasangan dan anak tanggungan dalam Pelan Keluarga, semua ahli keluarga yang dilindungi tertakluk kepada had maksimum keseluruhan di bawah Pelan Keluarga.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berubah bergantung pada pelan pilihan anda, destinasi, tempoh perlindungan dan keperluan penajaminan kami.

Premium untuk AIA Travel PA Plus Single Trip digambarkan di bawah:

Perjalanan Tunggal		Premium (RM)		
		Pelan Standard	Pelan Warga Emas	Pelan Keluarga
Kawasan 1	1-5 hari	63.00	87.00	162.00
	6-10 hari	87.00	120.00	216.00
	11-20 hari	132.00	180.00	333.00
	21-31 hari	174.00	240.00	441.00
	Minggu Tambahan	39.00	54.00	108.00
Kawasan 2	1-5 hari	75.00	120.00	198.00
	6-10 hari	105.00	165.00	261.00
	11-20 hari	159.00	246.00	405.00
	21-31 hari	210.00	327.00	531.00
	Minggu Tambahan	60.00	90.00	153.00
Kawasan 3	1-5 hari	159.00	333.00	405.00
	6-10 hari	237.00	495.00	594.00
	11-20 hari	381.00	798.00	954.00
	21-31 hari	525.00	1,101.00	1,314.00
	Minggu Tambahan	192.00	399.00	486.00
Dom.	1-5 hari	20.14	45.58	54.06
	6-10 hari	28.62	62.54	73.14
	11-20 hari	44.52	93.28	117.66
	21-31 hari	69.96	124.02	174.90

Nota: Jumlah premium yang dinyatakan di atas adalah termasuk cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

#### 4. Apakah yuran-yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Kos Pengedaran Langsung yang dibayar kepada perancang hayat / pemimpin agensi/ perantara	24% daripada premium yang dibayar atau RM24 bagi setiap RM100 premium yang dibayar sebagai komisen dan komisen kelola.
Duti Setem*	RM 10.00
Cukai Kerajaan Yang Berkenaan	6% daripada premium atau RM6.00 bagi setiap RM100 premium yang dibayar

\* Berkuatkuasa 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025, duti setem bagi polisi yang dikeluarkan kepada Pemilik Individu dengan jumlah premium tahunan RM150 dan ke bawah dikecualikan mengikut PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 16) 2021; kepada Pemilik Korporat yang berkelayakan sebagai perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan jumlah premium tahunan RM250 dan ke bawah dikecualikan mengikut PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 15) 2021.

#### 5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu seperti kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko. Anda mesti memastikan bahawa borang cadangan dilengkapi dengan tepat kerana ia menjadi asas kepada kontrak insurans.
- **Tunai sebelum Perlindungan** – Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau ejen yang dibenarkan kami sebelum tarikh kuat kuasa polisi.
- **Kelayakan** – Umur penyertaan bagi insured Standard ialah dari umur 14 hari hingga 75 tahun, manakala insured Warga Emas ialah dari umur 76 hingga 85. Rakyat Malaysia atau penduduk asing / warga asing dengan permit kerja yang sah layak memohon. Umur penyertaan bagi insured dewasa dalam Pelan Keluarga ialah dari umur 16 hingga 75, dan tanggungan pasangan ialah dari umur 16 hingga 70, manakala anak tanggungan ialah dari umur 14 hari hingga 15 tahun atau hingga umur 23 tahun, jika anak tersebut adalah pelajar sepenuh masa. Pelan Keluarga termasuk insured, pasangan dan maksimum 8 kanak-kanak yang menemani.
- **Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?** – Anda perlu melengkapkan dokumen-dokumen tuntutan yang boleh didapati daripada perancang hayat anda/perantara atau, mana-mana cawangan AIA atau dengan



menelefon AIA Care Line di 1 300 88 1899. Senarai cawangan AIA boleh didapati di [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my). Anda mesti memberikan kami notis tuntutan bertulis mengenai sebarang kecederaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan anda. Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, notis tuntutan mestilah diberikan kepada kami dengan serta-merta. Kami juga menghendaki bukti tuntutan tersebut dikemukakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan.

Bagi tuntutan berkaitan dengan kecederaan, bukti tuntutan termasuklah laporan perubatan, laporan polis dan bil perubatan / rawatan yang berkaitan dengan tuntutan itu. Bagi tuntutan kematian akibat kemalangan, bukti tuntutan termasuklah perakuan hospital, dokumen mengenai rawatan atau pemeriksaan perubatan, laporan polis, laporan bedah siasat dan sijil kematian atau keratan akhbar. Bukti identiti orang yang membuat tuntutan juga mesti dikemukakan.

Nota: Senarai ini adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

#### **6. Apakah pengecualian penting di dalam polisi ini?**

- Keadaan sedia ada
- Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan
- Melahirkan anak, kehamilan atau keguguran
- Sukan professional
- Gangguan mental atau saraf
- Penggunaan sebarang jenis dadah/narkotik
- Kecacatan kongenital
- Sebarang jenis penyakit atau sakit atau Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS)
- Sebarang jenis perlumbaan
- Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang
- Insured berkhidmat dalam angkatan tentera
- Perang atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak)

Nota: Senarai ini adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

#### **7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami dengan syarat anda belum membuat tuntutan ke atas polisi tersebut. Apabila polisi anda dibatalkan, anda layak menerima pembayaran balik sebanyak 85% daripada premium pro-rata bersamaan dengan tempoh insurans yang belum tamat atau premium bayaran balik penuh, sekiranya tempoh insurans belum bermula. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat klausa pembatalan.

#### **8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan/peribadi saya bertukar?**

Adalah penting bagi anda memberitahu kami mengenai sebarang pertukaran kepada profil kehidupan anda dan kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko.

#### **9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila layari laman web kami di [AIA.COM.MY](http://AIA.COM.MY).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:  
AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)  
Menara AIA,  
99 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 88 1899  
E-mel: [MY.GI-Ops@aia.com](mailto:MY.GI-Ops@aia.com)  
[AIA.COM.MY](http://AIA.COM.MY)

AIA General Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**10. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada.**

Sila hubungi kami / perancang hayat anda / perantara untuk perlindungan jenis lain yang sama kami tawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA JADUAL TANGGUNG RUGI BAGI MANFAAT KEMATIAN DAN KEHILANGAN ANGGOTA BADAN AKIBAT KEMALANGAN DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTILAH MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANCANG HAYAT/PERANTARA ATAU MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA DITERIMA PAKAI.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah setakat <mm/dd/yyyy>.